




Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Sebuah Buku Berwarna Coklat

Mas Aida Abd Rahim

Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

“Tren akan tiba sebentar lagi. Sila berdiri di belakang garisan kuning”. Nyaring kedengaran pengumuman dari pihak Keretapi Tanah Melayu stesen Bukit Mertajam untuk para penumpang bersedia mengambil tempat masing-masing untuk menaiki tren yang bakal muncul tiba dalam beberapa minit lagi. Terus aku menutupi halaman buku yang telah diusung setiap hari tanpa jemu di dalam perjalanan aku ke pejabat dari Bukit Mertajam ke Sungai Petani. Perjalanan yang selama ini ku kira sepi, keseorangan dengan hanya mampu melihat pemandangan yang sama setiap hari, berubah menjadi sesuatu yang ku nanti dengan adanya buku berwarna coklat terang di tangan.

Kesibukan bekerja saban hari, keletihan menunggu tren setiap pagi dan petang untuk pergi dan pulang dari kerja, tambahan pula perlu berebut setiap kali untuk masuk ke dalam tren demi memastikan ada tempat duduk kosong, membuatkan aku letih untuk menghadap buku dan meneruskan pembacaan buku-buku yang dibeli. Ada satu tabiat dalam diriku, suka membeli buku, tetapi jarang menghabiskan pembacaan. mengantuklah, letihlah, tak sempatlah semua tu menjadi alasan. *“Beli buku banyak-banyak, bila yang nak baca ni?”*. Masih ingat bebelan ibuku setiap kali aku membawa pulang buku baru. Sudahnya, beliau yang mengkhawatirkan semua buku yang dibeli.. hahahaha... Ibuku memang seorang yang sangat suka membaca. Ingat, aku ada membeli buku Ustazah Basikal atas hasutan seorang teman. *“Cuba baca buku ni. Best tau. Beli online ja senang”*. Aku yang sangat mudah terpengaruh terus membuat pesanan. Wah... memang tebal ya buku tu.. ada dua jilid pulak tu. Terfikir sekejap dalam onak fikiran, bila nak baca ni? Boleh ke nak habiskan bacaan? Kerja pejabat banyak lagi nak kena habiskan. Bagi mama lah dulu baca... heheee.. Memang tepat sangkaan aku. Tanpa berlengah malam tu juga ibuku mulakan pembacaannya.. Beliau mengambil masa kurang dari tiga hari sahaja untuk menghabiskan satu jilid.. Hebat mama! hahaaa.. Kenapa lah anak dia ni tak ikut jejak mak yang suka membaca.. Ada juga mengeluh di dalam hati. Tak sampai seminggu, siap dua jilid dikhatam ibuku. Beliau pula yang buat sinopsis ceritakan balik kepada aku kandungan dari dua jilid buku tersebut.. Alahai Mas Aida ni. Kadang memang termalu dengan ibuku. Ibu yang boleh habiskan bacaan sedangkan anak yang bergelar pensyarah susah sungguh nak habiskan sebuah buku pon. Nak tutup muka rasanya.. Malu!

Tetapi, aku rasa berbeza dengan buku yang satu ini. Sanggup aku mengusung buku berkulit keras dan tebal setiap hari menaiki pengangkutan awam. Buku yang tebalnya sehingga 455 muka surat itu menjadi buku kesayangan. Buku yang aku tekad untuk membaca sehingga perkataan yang terakhir! Entah lah semangat apa waktu itu. Mungkin hati yang sarat dengan rindu. Rindu kepada almarhum suamiku yang baru sahaja waktu itu meninggalkan aku. Perginya pada tanggal 25 Ramadhan 1436H. menyentak hati dan sanubari. Ingin sekali aku mengetahui apa yang terjadi. Apa yang dialaminya di ‘sana’. Memujuk hati selayaknya. Pertama kali aku terpancang buku ini di kedai buku Hasani, terus hati membuak ingin memiliki. Penulisan dari al-Imam Jalaluddin as-Suyuti, buku bertajuk Ziarah ke Alam Barzakh ini seperti merontaronta untuk aku mendapatkannya. Kali ni aku tak kira. Aku nak beli! dan aku akan cuba habiskan sampai muka surat yang terakhir.

Percaya ke dengan janji aku tadi tu? hahahhaa... Tolonglah percaya. Penat tau aku usung buku ni setiap hari dengan menempuh perjalanan selama 20 minit dari Stesen Bukit Mertajam dan lagi 20 minit dari Stesen Sungai Petani sewaktu pulang dari kerja. Inilah waktu yang betul-betul aku gunakan untuk menelaah setiap helai dan perkataan yang ada di dalam buku ini. Kadang-kadang aku terperasan ada mata-mata yang memandangi bila aku mula membaca. Mata-mata di dalam tren terutamanya yang duduk berhadapan dengan aku. Terkejut agaknya bila ternampak tajuk buku yang aku baca tu. Ziarah ke Alam Barzakh. Mungkin ada yang hairan dengan buku pembacaan aku tu. Mungkin juga ada rasa sedikit seram dengan tajuk tu. Aku tak ambil peduli. Waktu ini sahaja yang aku betul-betul dapat memanfaatkan untuk menghabiskan buku yang setebal ini. Baca sajalah.. Tak perlu peduli pasal orang lain.. kan?

Waktu ini, almarhum suamiku baru sebulan meninggalkan aku dan anak lelaki tunggal kami. Rumah yang didiami sekarang di pinggir Sungai Petani ini pon belum kubeli. Terpaksa aku menaiki tren berulang alik Bukit Mertajam - Sungai Petani saban hari setelah letih bertahun-tahun memandu. Kadang-kadang terpaksa aku berhenti di hentian rehat sekejap untuk melepaskan lelah kerana terlalu mengantuk. Sampai tak boleh nak buka mata ya! Terpaksa lah berhenti seketika, Dapat tidur 10 minit di hentian rehat pon sudah memadai bagi aku. Aku berulang dari rumah ibuku di Bukit Mertajam. Jadi, bila masanya nak habiskan buku-buku yang dibeli tu? Seronok membeli tapi bacanya tidak! Pilihan yang aku ada, berulang alik dengan menaiki tren. Murah! RM2.40 sahaja untuk perjalanan sehala. Pergi dan balik baru RM4.80 dan aku juga punya masa selama 40 minit dalam perjalanan dua hala itu untuk membaca. Tak ada alasan lagi ya untuk tidak menghabiskan buku ni. Dah la beli mahal! *Chaiyokk* Mas Aida!

Buku ini buku istimewa. Lain dari yang lain. Pertama kali membelek buku ini, aku melihat kepada isi kandungannya. Kerana rasa rindu yang tak tertahan kepada almarhum suamiku, aku perlu menghabiskan buku ini. Terasa seperti aku sedang dipujuk setiap kali aku mengamati ayat-ayat di dalam buku ini. Bersabarlah wahai isteri kepada almarhum Mohd Azrie Arifin, kerana sesungguhnya dia baik-baik sahaja di 'sana'. Begitulah perasaan yang aku rasakan tiap kali membaca bait-bait kata yang dikarang di dalam naskhah ini. Kadang-kadang tersenyum, kadang-kadang menangis sorang-sorang, kadang-kadang rasa hati lapang. Inilah antara perasaan yang dapat aku rasa bila bersama dengan buku yang satu ini. Sebab itulah aku sanggup memegang dan mengusungnya naik turun tren, walau terpaksa menempuh ramai penumpang. Memeluk buku di dada dengan bag yang disandang membuatkan aku kelihatan seperti seorang pelajar yang baru pulang dari sekolah. Tapi bila terpandangkan tajuknya, jauh sekali dari menjadi bayangan seorang pelajar itu.

Mari, aku ceritakan sedikit mengenai buku ini. Buku yang berbicara tentang alam barzakh yang sangat didambakan jiwa umat manusia. Di dalamnya, dihuraikan masalah kematian, keutamaan dan asbab atau metodenya, sifat malaikat maut dan bala tenteranya, perkara yang dihadapi sewaktu sakaratul maut dan sebagainya. Melihatkan ini, hati terasa ingin tahu lagi dan lagi. Bagaimana? Mengapa? Apa? semua persoalan mula bermain di benak fikiran. Sungguh buku ini membuatkan aku insaf. Terus membuatkan aku berpaling sewaktu usia remaja. Aaaghh... banyak betul perkara yang membuatkan aku menyesal. Alangkah baiknya aku tidak melakukan itu dan ini. Alangkah takutnya aku melakukan dosa. Tetapi, siapalah kita. Hanya manusia yang sangat lemah dan hina. Iman pula lebih nipis dari kulit bawang. Rasa bersyukur bila terjumpa buku seperti ini. Betul-betul membuatkan aku berfikir, betapa singkatnya hidup kita terutamanya bila almarhum suamiku pergi seawal usianya 32 tahun. Muda! Sangat muda! Usia yang baru menginjak kepada kedewasaan selepas bergelar bapa kepada anak kami yang berusia setahun dua bulan pada waktu itu. Tapi, bila Allah berkehendak, apakan daya. Sesungguhnya tiadalah daya kita untuk melawan segala takdir yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Di dalam banyak-banyak bait yang aku baca dari naskhah ini, ada antaranya yang masih aku ingat. Bagaimana yang masih hidup ini dapat membantu mereka di alam sana.

Jawapannya, bersedekah! Ya, bersedekah! Aku kongsiikan sedikit petikan dari buku ini yang menarik perhatian aku.

Dari Ibn Mas'ud ad-Darimi mengatakan, "Ada empat hal yang diberikan kepada seseorang setelah kematiannya, iaitu sepertiga hartanya, jika sebelum meninggal dunia dia benar-benar taat kepada Allah, anak soleh yang mendoakannya setelah meninggal, amal kebaikan yang diciptakan oleh seseorang dan amalnya yang kemudian dikerjakan juga oleh orang lain setelah kematiannya".

Sementara Aisyah r.a menuturkan bahawa ada seseorang yang berkata, "Ya Rasulullah, sesungguhnya ibuku meninggal dunia secara mendadak tetapi tidak meninggalkan wasiat. Aku mengira jika dia dapat berbicara, nescaya dia akan bersedekah. Lalu apakah dia akan mendapatkan pahala jika aku bersedekah untuknya?"

"Ya", jawab Rasulullah s.a.w

(Hadis riwayat asy-Syaikhhan)

Sedangkan dari Ibn 'Abbas diriwayatkan bahawa ketika ibu Sa'ad ibn 'Ubadah meninggal, 'Ubadah tidak berada di sisinya. Dia kemudian mendatangi Rasulullah s.a.w seraya bertanya, "Ya Rasulullah, ibuku meninggal sementara aku tidak berada di sisinya, apakah akan ada manfaat baginya jika aku bersedekah untuknya?"

"Ya", jawab Rasulullah s.a.w


Lebih lanjut beliau berkata, " Aku bersaksi kepada Engkau bahawa kebun kurmaku, aku jadikan sebagai sedekah untuk ibuku".

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Jadi, apa lagi yang tinggal untuk aku dan kita untuk membantu orang-orang kesayangan kita di 'sana'.. Walaupun bukan sekebum kurma yang dapat aku sedekahkan buat almarhum suamiku, aku berharap dia berbahagia di sana dengan sekecil-kecil jumlah yang aku niatkan untuk dia. Aku juga selalu berpesan kepada anakku yang kini telah berusia 11 tahun, supaya selalu bersedekah dan niatkan pahalanya untuk arwah ayahnya. Dia yang hanya berkesempatan bersama dengan ayahnya setahun sahaja di dunia ini faham yang dia perlu sentiasa menjadi anak yang soleh supaya dapat memberi manfaat kepada arwah ayah yang dikasihi. Buku ini benar-benar mengajar. Bukan sekadar memberi info dan ilmu kepada pembacanya. Tidak hairanlah sudah empat kali buku ini dicetak. Suatu hari nanti, aku akan hadiahkan naskah istimewa ini kepada anakku. Semoga dia menjadi anak yang faham kepada agamanya.. In sha Allah...


"Tuhanku, dosa-dosa ku semakin banyak. Tetapi aku tahu bahawa ampunan-Mu itu lebih banyak. Jika tidak ada yang berharap kepada-Mu kecuali orang-orang baik sahaja lalu kepada siapa orang yang berbuat dosa ini memohon perlindungan dan keselamatan. Aku memohon kepada-Mu, Tuhanku sebagaimana aku diperintahkan untuk berendah diri. Jika ditolak kedua tanganku ini, siapa pula yang akan memberikan kasih sayang. Aku tidak memiliki wasilah kepada-Mu kecuali hanya harapan ini dan ampunan-Mu yang Maha Luas dan aku kini berserah diri"

Mas Aida Abd Rahim, 13 Ramadhan.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

